

**Malaysia Kedua Terbaik Dalam Asean Bagi Perniagaan Berkembang
Bernama
06 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Malaysia ialah negara kedua terbaik dalam Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (Asean) bagi perniagaan yang berkembang dinamis, demikian menurut Indeks Dinamisme Global (GDI) Grant Thornton.

Malaysia, yang berada pada kedudukan kedua selepas Singapura, menduduki tempat ke-23 di peringkat dunia.

Rakan Urusan SJ Grant Thornton, Datuk N.K. Jasani, berkata kedudukan yang kukuh ini adalah hasil daripada penarafan bagi Malaysia dalam bidang-bidang utama persekitaran operasi perniagaan (74), ekonomi dan pertumbuhan (72.3) dan persekitaran pembiayaan (57.7).

"Malaysia, meskipun di belakang Singapura, memiliki prospek perniagaan berkembang dinamis seperti persekitaran operasi yang baik serta rejim dan kawalan perdagangan dan pertukaran asingnya yang berkembang dengan baik.

"Penggunaan swastanya dalam ekonomi dan pertumbuhan juga sihat, dan menawarkan kemudahan mendapatkan modal jangka sederhana dalam persekitaran pembiayaan," katanya dan satu kenyataan Selasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707476>